

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]
SOALAN :**

YB DR AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terakhir di Malaysia atas perkara-perkara berikut:-

- (a) kadar obesiti, kadar sindrom metabolik, kadar diabetes mellitus; dan
- (b) kadar penyakit darah tinggi dan kadar penyakit jantung dalam per 100 000 penduduk.

Tuan Yang di-Pertua,

Data prevalen faktor risiko penyakit tidak berjangkit di peringkat populasi adalah dari Survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (*National Health and Morbidity Survey – NHMS*) 2011. Di peringkat kebangsaan, prevalen diabetes adalah 15.2% bagi populasi berumur 18 tahun dan ke atas, atau anggaran 2.6 juta penduduk Malaysia. Manakala prevalen obesiti adalah 15.1% atau anggaran 2.5 juta penduduk. Prevalen hipertensi (darah tinggi) pula adalah 32.7% atau anggaran 5.8 juta penduduk.

Manakala untuk *metabolic syndrome* satu kajian yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan oleh satu kumpulan penyelidik dari Kementerian Kesihatan dan beberapa universiti tempatan pada tahun 2011 menunjukkan prevalen 42.5% (berdasarkan *Harmonized criteria*).

[rujukan: Prevalence of metabolic syndrome and its risk factors in adult Malaysians: Results of a nationwide survey. Wan Nazaimoon Wan Mohamud, Aziz al-Safi Ismail, Amir Sharifuddin *et. al.* (2011) *Diabetes Research and Clinical Practice*. 91:239-245]

Bagi penyakit jantung, data dari *Health Fact 2014* menunjukkan bahawa bagi tahun 2013, *diseases of the circulatory system* (yang merangkumi penyakit jantung) menyumbang kepada 7.53% dari jumlah kemasukan ke hospital-hospital Kementerian Kesihatan dan swasta.